



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

5 Januari 2018

1. Fiesta 500 Haiwan pelbagai baka; Harian Metro
2. Kami tak dera; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="46"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
5 Januari 2018			

Fiesta 500 haiwan pelbagai baka

Kuala Lumpur: Lebih 500 haiwan peliharaan daripada pelbagai spesies dan baka seperti Parsi, Norwegian Forest, Devon Rex dan Turkish akan dipamerkan pada Fiesta Haiwan Peliharaan yang berlangsung pada 3 hingga 11 Februari depan di Laman Wau, Kompleks Kraf, Jalan Conlay di sini.

Presiden Kelab Kucing Malaysia Khalid Rashid berkata, fiesta haiwan anjuran Karlrush Catz Gallery dengan kerjasama Kelab Kucing Malaysia dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan itu bertujuan memberi

pengetahuan kepada masyarakat berkaitan haiwan peliharaan.

"Pada fiesta kali ini, penganjur didedahkan cara memelihara haiwan yang betul, sekali gus memupuk rasa tanggungjawab manusia kepada haiwan.

"Bukan itu saja, pelbagai aktiviti berkonsepkan mesra keluarga juga dipamerkan seperti pameran dan pertandingan dan pertunjukan fesyen kucing," katanya pada Majlis PraPelancaran dan Sidang Media Fiesta Haiwan Peliharaan, di Kompleks Kraf di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia Ibrahim Ismail, Pengarah Projek Fiesta Haiwan Peliharaan Kartini Datuk Din dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Kraftangan Malaysia Yusak Mahamud.

Khalid berkata, fiesta kali kelima ini turut menampilkan taman dunia haiwan dinamakan *Cat Purr-radise*.

"Ia dilengkapi kolam mandi, laman air pancut, taman permainan, persisiran pantai serta pekan kecil yang menempatkan klinik dan kedai jualan serbaneka

haiwan serta persembahan khas *Cats The Musical* berdurasi 45 minit.

"Selain itu, galeri khas yang mempamerkan lebih 5,000 artifak berkaitan haiwan turut dipamerkan," katanya.

Menurut Ibrahim, pihaknya menyasarkan lebih 20,000 pengunjung dari dalam dan luar negara membanjiri fiesta berkenaan.

Fiesta haiwan itu dibuka kepada orang ramai mulai jam 10 pagi hingga jam 6 petang dengan bayaran masuk RM5 bagi dewasa dan RM2 bagi kanak-kanak.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Tengah	M/SURAT: 48	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
5 Januari 2018			

Faiq Lajin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

“Dakwaan berakunya penzalian di sini seperti yang tular di media sosial tidak benar, sebaliknya kami mengikut prosedur ditetapkan,” kata Penyelidik Imad Pet Cawangan Shah Alam, Mohd Faizal Abdul Rahman.

Menurutnya, setiap hari kucing di situ diberi makanan dua kali iaitu pagi dan petang malah pihaknya menyediakan lebih 200 sangkar di dalam premis itu untuk keselesaan haiwan berkenaan.

“Pada jam 9 pagi, kita beri makan biskut dan jam 6 petang pula daging cincang.”

Kedua-dua makanan ini tak boleh dicampurkan kerana ia boleh menyebabkan kucing cirit-birit,” katanya mengulas mengenai dakwaan yang tular di media sosial iaitu kucing di situ tidak diberikan makanan serta dikurung dalam tempat sempit.

Mohd Faizal berkata, pihaknya menyediakan lebih 200 sangkar di premis berkenaan untuk keselesaan haiwan itu malah ketika ini kerja penambahbaikan sedang dilakukan.

“Pemilik kucing dimaklumkan mengenai kerja ini malah kita sudah minta mereka bawa kucing pulang namun ada yang mahu meninggalkan di sini,” katanya.

Dalam pada ini, pengulasnya, Ismail Mohd Ali ketika dihubungi berkata, dakwaan di media sosial itu menyebabkan mereka berdepan pelbagai kesulitan.

“Disebabkan itu, ramai pemilik kucing datang mendapatkan penjelasan. Dakwaan ini seperti mahu menjauhkan perniagaan kami.”

Jabatan Veterinar juga datang membuat pemeriksaan, minggu lalu dan dakwaan yang tular itu tidak betas malah tiada unsur penderaan seperti dituduh,” katanya.

Sementara itu, petanggan yang hariya mahu dikenali sebagai Shukor berkata, dia ke premis itu untuk melihat tiga kucing miliknya.

Menurutnya, dia sudah lama meletakkan kucing di situ dan yakin dengan khidmat yang diberikan serta enggan percaya dakwaan di media sosial selagi tidak mempunyai bukti kukuh.

Sebelum ini pada 19 September lalu, Syarikat Imadi Pet Global Sdn Bhd diberet ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berikutan terdapat dakwaan kematian kucing selepas satu pasangan membelinya di syarikat itu melalui cawangan di Johor Bahru, Johor.

Bagaimanapun, TTPM memerintahkan tuntutan pasangan terbabit berjumlah RM20,000 ditolak.